



**KENYATAAN MEDIA
SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI NEGARA NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

15 Mac 2020

1. Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai perkembangan terkini jangkitan tersebut di negara ini.
2. Pada hari ini, 15 Mac 2020, sebanyak 10 lagi kes baru telah disahkan dijangkiti COVID-19 yang membawa **jumlah keseluruhan kes di negara ini kepada 50 orang**. 7 daripada kes-kes baru ini mempunyai kaitan dengan kluster perkumpulan tabligh di Kuala Lumpur manakala tiga kes lagi mempunyai kaitan dengan Kes 25 yang dilaporkan pada 12 Mac 2020, yang tidak ada kaitan dengan kluster perkumpulan tabligh di Kuala Lumpur.
 - Kes 41, berumur 31 tahun ialah isteri kepada Kes 15 (kluster tabligh). Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dan telah mula mengalami batuk dan selsema pada 12 Mac 2020.
 - Kes 42, berumur 55 tahun ialah adik kepada Kes 12 (kluster tabligh). Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dan telah mula mengalami demam panas dan batuk pada 9 Mac 2020.

- Kes 43 ialah seorang lelaki warga tempatan berumur 29 tahun. Kes ini tidak menyertai perkumpulan tabligh di Kuala Lumpur tetapi telah menghadiri satu perjumpaan tabligh pada 5 Mac 2020 di Negara Brunei Darussalam yang juga telah turut dihadiri oleh beberapa orang jemaah yang telah berada di perkumpulan tabligh di Kuala Lumpur.
- Kes 44, berumur 23 tahun mempunyai kaitan dengan kluster Kes 25. Kes ini telah menghadiri majlis keluarga bersama-sama Kes 25 pada 8 Mac 2020 dan telah mula mengalami demam panas pada 10 Mac 2020.
- Kes 45, berumur 56 tahun mempunyai kaitan dengan kluster Kes 25. Kes ini telah menghadiri majlis keluarga bersama-sama Kes 25 pada 8 Mac 2020 dan telah mula merasa demam dan selsema pada 12 Mac 2020.
- Kes 46, berumur 56 tahun adalah rakan kepada Kes 8 (kluster tabligh) yang telah bertemu dengannya pada 9 Mac 2020. Beliau telah mula mengalami demam pada 12 Mac 2020.
- Kes 47 ialah seorang lelaki warga tempatan berumur 68 tahun. Kes ini tidak menyertai perkumpulan tabligh di Kuala Lumpur tetapi telah menghadiri satu perjumpaan tabligh pada 5 Mac 2020 di Negara Brunei Darussalam yang juga telah turut dihadiri oleh beberapa orang jemaah yang telah berada di perkumpulan tabligh di Kuala Lumpur.

- Kes 48 ialah seorang lelaki warga tempatan berumur 20 tahun. Kes ini tidak menyertai perkumpulan tabligh di Kuala Lumpur tetapi telah menghadiri satu perjumpaan tabligh pada 5 Mac 2020 di Negara Brunei Darussalam yang juga telah turut dihadiri oleh beberapa orang jemaah yang telah berada di perkumpulan tabligh di Kuala Lumpur.
 - Kes 49, berumur 24 tahun mempunyai kaitan dengan kluster Kes 25. Kes ini telah menghadiri majlis keluarga bersama-sama Kes 25 pada 8 Mac 2020 dan tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan.
 - Kes 50, berumur 55 tahun ialah isteri kepada Kes 36 (kluster tabligh). Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dan tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan.
3. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Alhamdulillah, semua kes-kes yang sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan adalah berada di dalam keadaan yang baik dan stabil, tidak menghidap demam panas pada masa ini dan tidak memerlukan bantuan pernafasan.
 4. Kementerian Kesihatan juga ingin menasihatkan orang ramai yang telah menghadiri mana-mana perjumpaan tabligh di antara 5 hingga 8 Mac 2020 di Negara Brunei Darussalam, bersama-sama dengan jemaah tabligh yang telah berada di perkumpulan tabligh di Kuala Lumpur, untuk menghadirkan diri bagi menjalani ujian makmal COVID-19 di Kompleks Sukan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha secepat mungkin. Sesiapa yang mengetahui keberadaan

jemaah-jemaah berkenaan dan yang tidak menghadirkan diri bagi ujian makmal, bolehlah melaporkannya ke Talian Nasihat Kesihatan 148.

5. Kementerian Kesihatan masih giat menjalankan penyiasatan kontek bagi setiap kes. Setakat ini, sebanyak 886 orang telah diarahkan untuk menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204. Sementara itu, sejak wabak COVID-19 bermula pada awal Januari 2020, sebanyak 1,023 ujian makmal bagi COVID-19 telah dijalankan.
6. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan orang ramai bahawa kesemua 9 orang warga Brunei yang berada di Kuala Lumpur masih dalam kurantin yang dikenakan oleh pihak berkuasa di Malaysia. Dari jumlah tersebut, 3 orang telah disahkan positif dan dirawat di Hospital Sg Buloh, Selangor. Manakala seorang negatif dan 5 orang masih menunggu keputusan ujian makmal.
7. Sementara itu, peserta-peserta dari Negara Brunei Darussalam yang menyertai *Pontianak Bike Week* yang diadakan pada 12 hingga 14 Mac 2020 di Kalimantan, Indonesia dan *Borneo Ultra Trail Marathon 2020* yang diadakan pada 14 hingga 16 Mac 2020 di Sabah, Malaysia adalah dikehendaki untuk mendaftarkan diri di Unit Pelabuhan Kesihatan di pos-pos kawalan, termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk menerima garis panduan bagi menjalani pengasingan diri (*self-isolation*) selama 14 hari sebaik sahaja pulang ke negara ini. Sesiapa yang telah tiba di negara ini dan belum mendaftarkan diri dikehendaki untuk menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148. Orang ramai adalah dialu-alukan untuk menghubungi Talian Nasihat Kesihatan ini untuk melaporkan sebarang

acara besar-besaran yang dilangsungkan di luar negara dan melibatkan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

8. Dalam pada itu, **bermula daripada 16 Mac 2020, seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam adalah ditegah dari keluar negara**, kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu seperti mendapatkan rawatan perubatan yang mendesak, menghadiri perbicaraan mahkamah atau menyambung sesi pengajian di luar negara, ini pun tertakluk kepada kebenaran Jabatan Perdana Menteri. Sebarang permohonan berhubung dengan perkara ini boleh dihadapkan melalui e-mel kepada travelapplication@jpm.gov.bn, dengan menyertakan salinan dokumen-dokumen dukungan (*scanned copies*).
9. Sementara itu, kontek-kontek yang sedang menjalani kurantin dan yang mana ujian makmal mereka adalah negatif, adalah diingatkan untuk mematuhi arahan kurantin. Jika mereka mengalami sebarang tanda-tanda jangkitan, mereka hendaklah menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148. Dalam pada itu, mana-mana kontek yang sedang dikurantin dan tidak mematuhi arahan kurantin boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204. Jika sabit kesalahan, boleh didenda sehingga \$10,000 atau penjara selama 6 bulan atau kedua-duanya sekali.
10. Kementerian Kesihatan juga ingin mengingatkan sesiapa yang mengalami tanda-tanda jangkitan untuk tidak melawat pesakit di hospital, terutamanya mereka yang menghidap penyakit kronik. Mereka yang sedemikian boleh menjangkiti pesakit berkenaan dan membahayakan nyawa pesakit. Kerjasama orang ramai adalah sangat-sangat diperlukan untuk mengawal wabak COVID-19 daripada menular di negara ini.

11. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** (pada bila-bila masa).

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2
Tarikh : 20 Rejab 1441H / 15 Mac 2020M